

# KEPUASAN DALAM Breakdance & shuffle

Melihat daripada susur galur 'pop culture' di Malaysia, kita sering disajikan dengan pelbagai fenomena yang menjadi ikutan muda-mudi. Ketika berada di era 1950an, fenomena ini menjadi ikutan remaja muda telah dijangkiti dengan mam 'joget'. Itu diteruskan lagi pada era 1960an, masyarakat mula mencipta trend semasa dengan 'agogo' dan 'pop sh yeh' sehingga bukan sahaja muziknya menjadi ikutan, malah cara berpakaianya turut menjadi kegilan.

Masih segar di memori pada zaman itu apabila kita ketika era 1970an, masyarakat dihadapkan dengan 'twist' dan 'funky' sehingga sesuatu majlis keramaian dirasakan tidak lengkap tanpanya. Perkara itu berterusan sehingga kini. Golongan remaja mulai mencetuskan fenomena 'breakdance' dan 'shuffle'. Bukan sahaja menjadi tarian yang dipertontonkan di pertandingan dan pertandingan sahaja malahan telah menjadi hobi yang menyihatkan elagi ia tidak menjadi terlampau ekstrem.

**breakdance :**  
sahaja tapi kepuasannya tiada tara

Breakdance penting dalam seni tarian jalanan kerana ia merupakan sebahagian daripada budaya hip hop di bandar dan sub-bandar. Walaupun ketika melihat persembahan breakdance di jalanan kelihatan mudah dan lancar, sebenarnya ia memerlukan kemahiran yang tinggi. Breakdance bukan sahaja dijenamakan hanya sebagai tarian di negara-negara urban tetapi ia diberikan suntikan elemen dalam industri fesyen, trend dan hiburan. Seni tarian ini adalah gaya tari jalanan yang telah berkembang sebahagian daripada gerakan hip hop di kalangan Afrika Amerika dan Puerto Rico di Manhattan dan South



Bronx New York pada awal 70an.

## gerakan yang menjadi tunjang

Breakdance secara asasnya melibatkan empat gerakan utama yang menjadi tunjang kepada tarian. Gerakan itu adalah *toprock* iaitu gerakan sambil berdiri yang melibatkan pergerakan lengan. Aksi ini selalunya dilakukan sebelum dan sesudah melakukan aksi lain yang lebih kompleks. *Downrock*, sebaliknya dilakukan dengan tangan dan kaki di lantai serta menampilkan kemampuan penamat dengan menggerakkan kaki mereka sambil menjaga tubuh mereka di tanah menggunakan kaki. *Power moves* adalah bahagian paling yang menjadi ikon dalam breakdance. Ia terdiri daripada gerakan akrobatik yang sangat sukar dan memerlukan kemahiran dan latihan berterusan. Ini adalah elemen yang paling sukar dan bergaya dalam breakdance. *Freezes/suicides* pula ialah gaya yang lebih kepada pose yang selaras dengan langkah sebelumnya untuk menamatkan rutin.

Walaupun ada sesetengah individu yang mengatakan bahawa trend breakdance ini hanya terhad di Amerika Syarikat sahaja, perspektif ini ternyata salah apabila ia semakin menjadi fenomena dengan mempunyai pengikut antarabangsa yang


sangat besar terutamanya di negara-negara Asia. Oleh sebab itu, keunikannya yang mampu menyumbang kepada kesihatan tubuh badan juga sewajarnya diambil dan keberukannya janganlah menjadi ikutan.

## shuffle : kombinasi sepadan membawa lebih keunikkan

Kegilauan remaja tidak terhad kepada breakdance semata-mata malah ia dikombinasikan lagi ngan tarian shuffle yang turut menjadi trend terkini remaja di bandar-bandar besar di Malaysia. Tarian mengelusurkan kaki di lantai yang diasaskan remaja Melbourne, Australia sekitar lewat 80an ini mengkombinasikan muzik elektronik rancak serta gerakan tubuh yang dinamik khususnya pergerakan pantas antara tumit dan jari kaki.

Mengenai kemunculan di Malaysia pula, *Shuffle* dihabarkan dibawa masuk oleh seorang DJ yang dikenali sebagai Apck Whut. Disebabkan dia mempunyai minat yang mendalam terhadap aliran muzik ini, dia telah menubuhkan sebuah kumpulan yang memperjuangkan





Ketika Final Battle Of The Band & Battle Of Shuffles Showdown 2011 anjuran Majalah Klik

aliran ini dan dikenali sebagai *HardStyle Republic*. Lagu-lagu untuk tarian shuffle juga kebanyakannya dicipta selain lagu sedia ada yang diimport dari Australia.

**diapakah selaras dengan nilai setempat**

Shuffle di Malaysia telah diterapkan dengan nilai setempat dan diselitkan dengan kreativiti anak muda tempatan dalam mengubah koreografi. Tarian ini pantas menular menjadi hobi baru remaja kerana ia tidak terlalu kompleks. Dengan tidak perlu terikat dengan peraturan menjadikan remaja meminatinya kerana lebih menggunakan kreativiti *shufflers* bagi membolehkan mereka menjadi tumpuan.

Shuffle juga boleh diaksikan secara berkumpulan. Ini juga lebih memberikan cabaran dalam mereka kareografi serta kesamaan antara ahli dan jika kena caranya persembahan kumpulan itu akan umphhh!! Pasti menarik puluhan penonton apabila dilakukan di lokasi kegemaran remaja kini, Jalan Bukit Bintang.

Penggemarnya yang terdiri daripada remaja belasan tahun dan awal usia 20an juga semakin berkembang dengan cepat selaras dengan kemajuan teknologi

yang membolehkan informasi dan gaya-gaya terkini dikembangkan. Kepantasan perkembangannya juga boleh dibuktikan dengan gelajat remaja tidak kira di sekolah mereka ataupun kawasan membeli belah apabila dipraktikkan sebagai suatu cara meluahkan apa yang terbuku di hati. Ia digunakan sebagai salah satu elemen eksperimetasi dan ekspresi perasaan serta pergolakan remaja.

